

BAB EMPAT

AL-SAKKĀKĪY DAN KITAB *MIFTĀḤ* AL-'ULŪM

4.0 Pengenalan

Bab ini akan menyentuh riwayat hidup al-Sakkākīy secara ringkas termasuk kelahirannya, gelarannya, gurunya, muridnya, pengikutnya, karyanya, pengaruhnya dalam bidang balaghah, metodologinya dalam *Miftāḥ al-'Ulūm* dan komen para ulama terhadapnya. Kemudian bab ini diakhiri dengan kesimpulan.

4.1 Kelahirannya

al-Sakkākīy dilahirkan di Khuwārizm (Republik Uzbekistan) pada tahun 555 H / 1160 M. Pada masa yang sama kerajaan tersebut dipimpin oleh sultannya yang ke-4, iaitu Ail Arsalan bin Ataz. Nama penuh al-Sakkākīy ialah Sirāj al-Dīn, Abū Ya'qūb, Yūsuf bin Muḥammad bin 'Alīy. Walau bagaimanapun beliau lebih dikenali dengan panggilan al-Sakkākīy. Beliau dinamakan dengan al-Sakkākīy kerana kerjaya keluarganya sebagai tukang pembuat Sakkāk (alat pembajak tanah). Ada yang mengatakan “Sakkāk” itu acuan yang dibuat daripada besi yang digunakan untuk membuat dirham, ada juga yang mengatakan “Sakkāk” adalah nama sebuah kampung di mana tempat al-Sakkākīy dilahirkan, maka dibangsakan beliau dengan nama “al-Sakkākīy”.¹

Banyak pendapat tentang tahun meninggal dunia al-Sakkākīy, ada yang mengatakan beliau meninggal dunia pada tahun 623 H / 1226 M, ada yang mengatakan pada tahun 626 H / 1229 M, ada yang berpendapat pada tahun 627 H / 1230 M²

¹ Syawqī Dayf, *al-Balāghat Taṭawwur Wa Tārīkh*, hlm. 286-287

² Ibid hlm. 287

dan ada juga yang berpendapat pada 629 H / 1232 M. Walau bagaimanapun pendapat yang mengatakan beliau meninggal dunia pada tahun 626 H / 1229 M adalah muktamad kerana banyak rujukan yang berpendapat demikian.¹

4.2 Pendidikannya

al-Sakkākīy ialah seorang ahli bahasa dari kaum Khuwārizm, beliau menetap di bandar ini hingga ke akhir hayatnya. Beliau menuntut ilmu di masjid Khuwārizm, di mana pada masa itu masjid Khuwārizm merupakan pusat pendidikan bagi penduduk di sekitar bandar tersebut.

Pada masa yang sama persekitaran Khuwārizm bermazhab Mu'tazilah dalam bidang akidah dan bermazhab Hanafi dalam bidang fekah. Majoriti ulama di sekitar bandar itu berpegang pada dua mazhab tersebut. Antara ulama yang masyhur di bandar itu ialah 'Abd al-Qāhir al-Jurjāniy (471 H / 1078 M) pengarang *Dalā'il al-I'jāz*, *Asrār al-Balāghat* dan *al-Jumal*, Rasyīd al-Dīn al-Waṭwaṭ (572 H / 1177 M) pengarang *Daqā'iq al-Sihr*, al-Zamakhsyarīy (467 H - 538 H / 1075 M – 1144 M) pengarang *al-Khasysyāf*, *Asās al-Balāghat*, *al-Mufaṣṣāl* dan *al-Namūdhas* dalam bidang Nahu, Fakhr al-Dīn al-Rāzīy (606 H / 1210 M) pengarang *Tafsīr al-Kabīr* dan *Nihāyat al-I'jāz Fī Dirāyat al-I'jāz*.

Berdasarkan kepada masa hidup al-Sakkākīy, iaitu antara tahun 555 H - 623 H / 1160 - 1226 M, maka para ulama yang tersebut di atas ada yang lebih awal dari masa beliau dan ada juga yang semasa dengan beliau. Oleh itu dapat dikatakan bahawa ilmu dan pemikiran para ulama tersebut telah mempengaruhi pemikiran beliau, sama ada dalam bidang akidah, fekah dan juga bidang ilmu bahasa.

¹ al-Sakkākīy, *Miftāḥ al-'Ulūm*, (Ed): Akram Uthmān Yūsuf, hlm. 18

Walau bagaimanapun, menurut rujukan yang ada al-Sakkākīy mendapat ilmu daripada Sadīd al-Dīn al-Khaiyāṭīy, Ibn Saīd al-Harithīy, Muḥammad bin ‘Abd al-Karīm al-Turkistanīy.¹ Tiada rujukan yang menyebut tentang murid beliau melainkan hanya seorang murid sahaja, iaitu Mukhtār bin Maḥmūd bin Muḥammad al-Zāhidīy, yang dikenal dengan panggilan “Najm al-Dīn”, beliau adalah pengarang kitab *Syarḥ al-Qūdūrīy*.²

al-Sakkākīy yang hidup dalam persekitaran aliran Hanafi dalam bidang fekah dan aliran Mu‘tazilah dalam bidang akidah sudah sewajarnya berpegang pada dua mazhab tersebut. Antara kata-kata beliau yang berkaitan dengan akidah yang menunjukkan bahawa beliau sebagai pengikut aliran Mu‘tazilah ialah: “Allah adalah Tuhan kita, Muhammad adalah Nabi kita, Islam adalah agama kita, tauhid dan keadilan (Mu‘tazilah) adalah mazhab kita, khulafā’ al-rāsyidīn adalah imam kita, al-Nāsir Li al-Dīnillāh adalah pemimpin kita, berdoa dan memujinya adalah tugas kita....”³.

Dari petikan di atas menunjukkan bahawa beliau seorang pengikut aliran Mu‘tazilah yang hidup pada zaman Kerajaan Islam al-‘Abbasiyyah semasa pimpinan Khalifah al-Nāsir Li al-Dīnillāh (553 H – 622 H / 1158 M – 1225M⁴). Pada masa

¹ Syawqī Ḍayf, *al-Balāghat Taṭawwur Wa Tārīkh*, hlm 287

² al-Sakkākīy, *Miftāḥ al-‘Ulūm*, (Ed): ‘Abd al-Ḥamīd Hindāwīy, hlm. 17

³ Syawqī Ḍayf, *al-Balāghat Taṭawwur Wa Tārīkh*, hlm. 286-287

⁴ Beliau bergelar “Abū al-‘Abbās” dan nama aslinya Aḥmad bin al-Mustadi’ bin AmruLlah. Khalifah ke-34 Banī ‘Abbasiyyah di Baghdad dari 575 H - 622 H /1180 M - 1225 M. Adz-Dzahabīy berkata: "Tidak ada seorang pun dari khalifah yang memegang kekuasaan lebih lama darinya”, kerana beliau berkuasa selama 47 tahun. Masa pemerintahannya diwarnai dengan kestabilan dan kemuliaan serta keagungan. Dia berhasil membungkam semua musuh-musunya...." (<http://id.wikipedia.org/wiki/An-Nashir>)

itulah beliau menulis kitab *Miftāḥ al-'Ulūm*, iaitu selepas tahun 600 Hijrah, kerana al-Sakkākīy mula menuntut ilmu setelah mencapai usianya 30 tahun.¹

Mengikut satu riwayat, pada suatu hari al-Sakkākīy datang ke majlis raja, tiba-tiba masuklah seorang lelaki ke majlis tersebut, raja dan semua ahli majlis bangun untuk memuliakan lelaki itu, al-Sakkākīy bertanya kepada salah seorang ahli majlis: “Mengapa semua orang bangun dengan kedatangan lelaki itu ?” ahli majlis itu menjawab: “Lelaki itu adalah seorang ulama”. Pada waktu itu al-Sakkākīy terfikir kalaulah saya seorang ulama tentu saya juga akan mendapat kemuliaan seperti lelaki itu, lalu beliau meninggalkan kerjayanya sebagai tukang logam dan pergi ke majlis pengajian. Pada peringkat awal beliau berasa sangat sukar untuk memahami apa yang diajar oleh gurunya sehingga beliau meninggalkan majlis pengajian tersebut. Tak lama kemudian beliau datang semula ke majlis pengajian dan berusaha dengan penuh kesungguhan sehingga berjaya memperolehi pelbagai bidang ilmu dan menjadi seorang ulama terkenal pada masa itu. Peristiwa ini berlaku setelah beliau berusia 30 tahun.²

Ada pengkaji yang mengatakan bahawa al-Sakkākīy dalam bidang ilmu nahu berpegang pada kitab *Mufaṣṣal* karya al-Zamakhsyarīy dan kitab *al-Jumal* karya al-Jurjānīy. Sedangkan dalam bidang ilmu balaghah beliau berpegang pada kitab *Asrār al-Balāghat* dan kitab *Dalā'il al-I'jāz* karya al-Jurjānīy, kitab *Nihāyat al-Ījāz* *Fi Dirāyat al-I'jaz* karya al-Rāzīy³ (606 H / 1210 M), kitab *Daqā'iq al-Siḥr* karya

¹ al-Sakkākīy *Miftāḥ al-'Ulūm*, 'Abd al-Ḥamīd Hindāwīy, hlm. 15

² Ibid, hlm. 16

³ Beliau ialah Fakhr al-Dīn, imam pentafsir, dilahirkan di Rayy, bermazhab Syāfi'i dalam bidang fekah dan beraliran 'Asy'ārīy dalam bidang akidah.

Rasyīd al-Dīn al-Waṭwāt¹ (573 H / 1177 M). Beliau menyempurnakan bidang ‘arūd dan qāfiyāt dari kitab *al-Wāfiy* karya Tabrīzī² (421-502 H / 1030-1108 M).³

Dengan memiliki pelbagai bidang ilmu dan kemasyhurannya maka al-Sakkākīy berkesempatan untuk berhubung dengan kakitangan kerajaan dan beliau dianggap sebagai seorang ulama Sultan “Khuwārizmsyāh” (490 H – 628 H / 1097 M – 1231 M). Beliau dapat membuat pertemuan dengannya disebabkan oleh ilmu yang beliau miliki. Walau bagaimanapun beliau telah difitnah oleh Habasy ‘Amid, menteri kepada Joghatay Khan, anak kepada Janghis Khan (624 H – 639 H / 1227 M – 1242 M), demikian itu berlaku kerana kerja dan jawatan yang disandang oleh al-Sakkākīy menyebabkan timbul dendam dan iri hati terhadapnya. Menteri itu berulang kali berusaha supaya al-Sakkākīy dipenjarakan akhirnya dia membuat fitnah yang dapat membangkitkan kemarahan sultan dengan katanya: “Kalau al-Sakkākīy mampu mencapai ke tahap ini maka jangan hairanlah kalau suatu masa nanti dia akan mampu merebut kuasa dari tuanku”, fitnah itu termakan dalam fikiran Jaghtay akhirnya al-Sakkākīy ditahan selama tiga tahun dan meninggal dunia di dalam penjara

¹ Beliau ialah seorang sasterawan dan penyair Iran, puisi-puisi beliau dalam bahasa Parsi dan bahasa Arab, karya beliau berjudul “Majmū‘at Rasā’il

² Beliau ialah al-Khatīb Abū Zakariyyā Yahyā. Pakar bahasa dan sastera, dilahirkan di Tabrīz dan meninggal dunia di Baghdad. Beliau berguru dengan Abū ‘Alā’ al-Ma‘arrīy dan ‘Abd Qāhir al-Jurjānīy. Beliau telah mengulas beberapa kitab, iaitu “Syarḥ Dīwān al-Ḥamāsāt” karya Abū Tamām, “Tadhīb Iṣlah al-Mantiq” dan “Tadhīb al-Alfāz” karya Ibn Sikkīt “Syarḥ Saqṭ al-Zind” karya Abū ‘Alā’ al-Ma‘arrīy.

³ Maḥmūd al-Sayyid al-Daghīm, *Majālis-Ihtimām al-‘Arab wa al-Musta‘rabīm bi Kitāb Miftāḥ al-‘Ulūm, li al-Sakkākīy*. (<http://www.daralhayat.com/society/10-2007/Item-2007>) t.hlm.

pada tahun 626 H. / 1228 M .¹ dan dikebumikan di sebuah kampung bernama "Ātun Nām" "آت نام".²

4.3 Pengikutnya

Kitab *Miftāḥ al-'Ulūm* telah menarik perhatian para ulama selepasnya, ada di kalangan mereka yang meringkaskannya, dan ada juga yang menghurai dan mengulasnya dengan pelbagai ulasan, supaya memudahkan para pembaca untuk memahaminya. Antara ulama yang telah meringkaskan kitab *Miftāḥ al-'Ulūm* atau menghuraikan dan mengulaskannya ialah:³

- i. Badr al-Dīn bin Mālik (686H / 1287M), beliau menamai karyanya dengan *al-Miṣbāḥ Fī Ikhtisār al-Miftāḥ*.
- ii. Abu 'AbdiLlāh Muḥammad bin 'Abd Raḥmān al-Khatīb al-Qazwīnīy (739H / 1338M), beliau menamai ringkasannya dengan *Talkhīs al-Miftāḥ*.
- iii. 'Abd al-Raḥmān 'Azz al-Dīn al-ljīy al-Syairāzīy (756H / 1355M), beliau menamai Ikhtisarnya dengan *al-Fawā'id al-Ghiyāsiyyat Fī 'Ulūm al-Ma'ānī Wa al-Bayān Wa al-Badī'*.
- iv. Kutb al-Dīn Muḥammad bin Mas'ūd bin Maslah al-Syairāzīy (810H / 1310M), beliau menamai huraiannya dengan *Miftāḥ al-Miftāḥ*.

¹ Ibid, hlm. 16-17

² Maḥmūd al-Sayyid al-Daghīm, *Majālis-Ihtimām al-'Arab Wa al-Musta'rabīn Bi Kitāb Miftāḥ al-'Ulūm, li al-Sakkākīy* (<http://www.daralhayat.com/society/10-2007/Item-2007>) t.hlm.

³ Badāwīy Ṭabānat, *al-Bayān al-'Arabīy*, hlm. 338

- v. Muhammad bin Muẓaffar Syams al-Dīn al-Khaṭībī al-Khalkhālīy (745H / 1344M), beliau menamai huraianya dengan *Syarḥ al-Miftāḥ*.
- vi. ‘Alī Muḥammad atau lebih dikenali dengan panggilan al-Sayyid al-Syarīf al-Jurjānīy (816H / 1413M, beliau menamai karyanya *Sharḥ al-Qism al-Thālith Min al-Miftāḥ*.
- vii. Ibn Kamāl Bāsyā (940H / 1533M), beliau telah menulis dua karya yang berkaitan dengan kitāb *Miftāḥ al-‘Ulūm*, iaitu *Syarḥ al-Miftāḥ* dan *Ta‘bīr al-Miftāḥ*.

Kemudian ringkasan Abū ‘AbdiLlāh Muḥammad bin ‘Abd Raḥmān al-Khaṭīb al-Qazwīnīy *Talkhīs al-Miftāḥ* diulas dan dihurai pula oleh sejumlah ulama, antara lain ialah:¹

- i. Muḥammad bin Muẓaffar al-Khaṭīb al-Khalkhālīy (745H / 1344M) dengan judul *Miftāḥ Talkhīs Miftāḥ*.
- ii. Bahā’ al-Dīn al-Subkīy (773H / 1371M) dengan judul ‘*Arūs al-Afrāḥ Syarḥ al-Talkhīs al-Miftāḥ*..
- iii. Muḥammad bin Yūsuf Nazīr al-Jaisīy (778H / 1376M) dengan judul *Syarḥ Talkhīs al-Qazwīnīy*.
- iv. Muḥammad a-Bāburtīy (786H / 1384M) dengan judul *Syarḥ Talkhīs al-Miftāḥ Li al-Qazwīnīy*.
- v. Syams al-Dīn al-Qināwīy (788H / 1386M) dengan judul *Syarḥ Talkhīs al-Miftāḥ Li al-Qazwīnīy*.

¹ Ibid, hlm 240

- vi. Sa'd al-Dīn al-Taftāzānīy (792H / 1390M) beliau mengulas dalam dua judul, iaitu *al-Syarḥ al-Kabīr* dan *al-Syarḥ al-Saghīr Li al-Talkhīs*.
- vii. Ibn Ya'qūb al-Maghribīy (1110H / 1698M) dengan judul *Mawāhib al-Fataḥ Fī Syarḥ Talkhīs al-Miftāḥ*.

Selain itu ada juga huraian-huraian yang lain, seperti Jalāl al-Dīn al-Taizīnīy (793H / 1391M), Jamāl al-Aqsara'īy (800H / 1397M), al-Sayyid 'AbduLlāh al-'Ajmiy (800H / 1397M), al-Sayyid al-Syarīf al-Jurjānīy (816H / 1412M), 'Izz al-Dīn bin Jam'aṭ (819H / 1416M), Haidaraṭ al-Syairāzīy (820H / 1417M) dan 'Aṣam al-Dīn (951H / 1344M)

Dengan ringkasan dan huraian di atas menunjukkan bahawa kitab *Miftāḥ al-'Ulūm* mempunyai pengaruh besar dalam pemikiran para ulama balaghah selepasnya. Bahkan ringkasan kitab *Miftāḥ al-'Ulūm* yang ditulis oleh al-Khaṭīb al-Qazwīnīy, iaitu *Talkhīs al-Miftāḥ* mendapat perhatian yang besar sehingga ia diulas oleh sejumlah para ulama lainnya.

4.4 Karyanya

1. *Muṣḥaf al-Zahraṭ*.¹
2. *Syarḥ al-Jumal*. Kitab ini merupakan huraian bagi kitab *al-Jumal* karya 'Abd al-Qāhir al-Jurjānīy.
3. *al-Tibyān*.
4. *Kitab Fī al-Ṭalmis*. Kitab ini ditulis dalam bahasa Parsi.

¹ 'Umar Kaḥālat, *Mu'jam al-Mu'allifīn*, jil. 13, hlm. 282

5. *Risālah Fī ‘Ilm al-Munāzarat*.¹
6. *Miftāḥ al-‘Ulūm*. Kitab ini adalah karya awal beliau, ia mengandungi pelbagai bidang perbahasan, iaitu bidang kesusasteraan dan ilmu bahasa Arab, seperti ilmu ṣaraf, ilmu nahu, ilmu ma‘ānī, ilmu bayān, ilmu badī‘, ilmu hudūd (berkenaan dengan definisi), istidlāl, ‘arūḍ, qāfiyat dan i‘jāz al-Quran al-Karim. Kitab ini ditulis selepas tahun 600 H / 1203 M., iaitu pada zaman kerajaan Abbasiyah, khasnya pada masa pemerintahan Khalifah al-Nāsir li Dīnīllāh (622 H / 1225 M).²

4.5 Pengaruhnya Dalam Bidang Balaghah

Pemikiran beliau dalam bidang ilmu bahasa Arab umumnya dan dalam bidang balaghah khususnya telah mempengaruhi pemikiran para pengkaji selepasnya. Ini dapat dilihat dalam karya-karya mereka dalam bidang tersebut. Bahkan ada di kalangan ulama yang telah menarik perhatian kepada karya beliau untuk membuat ringkasan-ringkasan dan huraian-huraian supaya mudah difahami oleh para pembaca, seperti yang dilaksanakan oleh Badr al-Dīn bin Malīk (686 H / 1287 M) dalam karyanya *al-Miṣbah Fī ‘Ulūm al-Ma‘ānī wa al-Bayān wa al-Badī‘* dan al-Khaṭīb al-Qazwīnī (666 H.- 739 H / 1268 M – 1338 M) dalam karyanya *al-Talkhīṣ* dan *Syarḥ al-Talkhīṣ*. Begitu juga Muḥammad bin Muẓaffar Syams al-Dīn al-Khaṭībīy al-Khalkhālīy (745H / 1344M), beliau menamai huraianya dengan *Syarḥ al-Miftāḥ*.

Mudah-mudahan faktor utama yang mendorong para pengkaji untuk memberi perhatian kepada kitab *Miftāḥ al-‘Ulūm* kerana beliau meletakkan balaghah sebagai

¹ al-Sakkākīy, *Miftāḥ al-‘Ulūm*, (Ed): ‘Abd. al-Ḥamīd Handāwīy, hlm. 18

² Ibid, hlm.. 17

dua pengetahuan dasar, yakni ilmu ma‘ānī dan ilmu bayān dan menjadikan ilmu badī‘ sebagai ikutan bagi keduanya. Di samping itu mereka kagum dengan konsep al-Sakkākīy, terutamanya dari segi pengaturan dan penyusunannya yang saling berinteraksi antara satu bidang dengan bidang yang lain.

Walaupun perbahasan dan penulisan tentang balaghah semakin luas, namun tidak dapat dinafikan bahawa penulisan mereka sedikit banyaknya telah dipengaruhi oleh pemikiran al-Sakkākīy dalam kitab *Miftāḥ al-‘Ulūm*. terutamanya dalam membahagikan ilmu balaghah kepada tiga bahagian, begitu juga dari segi perbahasannya. Ini dapat dilihat secara nyata dalam karya-karya bidang balaghah selepasnya.

Kitab *Miftāḥ al-‘Ulūm* adalah sebuah karya khas dalam bidang kajian ilmu bahasa Arab. Ia dan pangarangnya telah mendapat tempat yang tinggi di kalangan para penulis dalam bidang bahasa Arab. Ia juga telah mendapat sambutan yang baik dan laris di kalangan pengkaji dan pengajar, sama ada di kalangan bangsa Arab mahupun di kalangan pendatang ajam. Kitab ini dipelajari di madrasah-madrasah Kerajaan Islam Abbasiyah, Mamlukiyah dan Uthmaniyah di benua Asia, Afrika dan Eropah.¹

Kitab *Muḥtāḥ al-‘Ulūm* telah dicetak sejak zaman kerajaan Islam ‘Uthmāniyyat sepertimana yang didapati dalam *Mu‘jam al-Maṭbu‘at al-‘Arabiyyat Wa al-Mu‘arrabat* yang diambil dari percetakan Sarkis di Mesir pada tahun 1346 H / 1928 M.²

¹ Maḥmūd al-Sayyid al-Daghīm, Ibid, t.hlm

² Ibid, t.hlm

Mengikut pengkaji, kitab *al-Miftāḥ al-'Ulūm* ada 11 salinan manuskrip dan salinan di muzium Iraq dianggap sebagai manuskrip asal, kerana ia diambil dari salinan pengarang pada tahun 703 H / 1303 M.¹

4.6 Metodologinya Dalam Kitab *Miftāḥ al-'Ulūm*

al-Sakkākīy telah membahagikan karyanya *Miftāḥ al-'Ulūm* kepada tiga bahagian. Bahagian pertama beliau membicarakan tentang ilmu ṣaraf (morfologi) dan hal-hal yang berkaitan dengannya, seperti al-isytiqāq (etimologi), iaitu al-isytiqāq al-ṣaghīr, al-isytiqāq al-kabīr dan al-isytiqāq al-akbar. Bahagian kedua membincangkan tentang ilmu nahu. Sedangkan bahagian ketiga pula merupakan perbincangan khusus tentang ilmu balaghah yang terdiri daripada ilmu ma'ānī dan ilmu bayān serta dihubungkan dengan kedua-dua ilmu ini kajian tentang fasāḥat dan balāghat. Akhirnya al-Sakkākīy menutup bahagian ketiga ini dengan perbincangan tentang ilmu teknik memperindahkan bahasa, sama ada dari segi lafaz mahupun dari segi makna, yang kemudiannya dikenali sebagai ilmu badī'.²

Beliau melihat bahawa ilmu ma'ānī memerlukan kepada pengetahuan tentang ḥad (definisi) dan istidlāl (penghujahan). Atau dengan lain perkataan ia memerlukan kepada ilmu mantiq, maka beliau mengambil ruang untuk perbahasan yang berkaitan dengan ilmu mantiq, seperti mana bagi yang mempelajari ilmu ma'ānī dan bayān memerlukan kepada ilmu 'arūḍ dan ilmu qāfiyat, maka beliau mengasingkan perbahasan bagi dua bidang ini pada akhir kitab.³ Dengan demikian

¹ Ibid, t.hlm

² Lihat: al-Sakkākīy, *Miftāḥ al-'Ulūm*, (Ed): 'Abd al-Ḥamīd Hindāwīy, hlm. 48, 125 dan 247-542

³ Lihat: Ibid, hlm. 688

kitab *Miftah al-'Ulum* mencakupi perbahasannya tentang ilmu ṣaraf, ilmu naḥu, ilmu ma'ānī, ilmu bayān, ilmu badī', ilmu mantiq, ilmu 'arūḍ dan ilmu qāfiyat.

Pada permulaan karyanya *Miftāḥ al-'Ulūm* beliau berkata:

"وَمَا ضَمَنْتُ جَمِيعَ ذَلِكَ كِتَابِي هَذَا إِلَّا بَعْدَ مَا مَيَّزْتُ الْبَعْضَ عَنِ الْبَعْضِ التَّمْيِيزَ الْمُنَاسِبَ، وَكَحَصَّتْ الْكَلَامَ عَلَى حَسَبِ مُقْتَضَى الْمَقَامِ هُنَالِكَ وَمَهَّدْتُ لِكُلِّ مَنْ ذَلِكَ أُصُولًا لِاتِّقَةِ وَأُورَدْتُ حُجَجًا مُنَاسِبَةً وَقَرَّرْتُ مَا صَادَفْتُ مِنْ آرَاءِ السَّلَفِ فَدَسَّ اللَّهُ أَرْوَاحَهُمْ بِقَدْرِ مَا احْتَمَلَتْ مِنَ التَّقْرِيرِ، مَعَ الْإِرْشَادِ إِلَى ضُرُوبِ مَبَاحِثِ قَلَّتْ عِنَايَةُ السَّلَفِ بِهَا وَإِيرَادِ لَطَائِفِ مُفْتَنَةٍ مَا فَتَقَ أَحَدٌ بِهَا رَتَقَ أُذُنٍ ..."

Maksudnya:

“Saya tidak meletakkan semua masalah dalam kitab ini, melainkan setelah saya pisahkan sebahagiannya dengan sebahagian yang lain, dengan pemisahan yang sesuai dan saya ringkaskan kata pada tempat yang sesuai, saya bentangkan semua ini sesuai menurut aturannya, serta mengemukakan bukti-bukti yang diperlukan, dan saya kekalkan apa-apa yang saya setuju daripada pendapat-pendapat ulama yang terdahulu –Allah mensucikan ruh mereka- sekadar kemampuan saya untuk memberi keterangan dan bimbingan kepada bahagian-bahagian perbahasan yang kurang mendapat perhatian para ulama terdahulu dan mengemukakan kehalusan-kehalusan yang cekap yang dengannya sedap didengar”.¹

Metodologi al-Sakkākiy dalam mengatur pelbagai persoalan bagi tiap-tiap bidang ilmu adalah hasil dari pandangannya pada mendefinisikan ilmu-ilmu itu masing-masing. Beliau mendefinisikan ilmu ma'ānī seperti berikut:

¹ Ibid, hlm. 37-38

"اعلم أن علم المعاني هو تتبع خواص تراكيب الكلام في الإفادة وما يتصل بها من الإستحسان وغيره ليحترز بالوقوف عليها عن الخطأ في تطبيق الكلام على ما يقتضي الحال ذكره"

Maksudnya:

“Ketahuilah ! Sesungguhnya ilmu ma‘ānī itu ialah bidang kajian tentang spesifik struktur kata untuk menghasilkan suatu manfaat dan yang berkaitan dengannya, sama ada dari segi memperindahkan ungkapan, mahupun untuk tujuan lain, agar dapat terhindar daripada berlaku kesilapan dalam menyesuaikan sesuatu ungkapan dengan kehendak situasi di sekelilingnya”.¹

Dengan definisi ini beliau meletakkan suatu pendekatan bagi ilmu ma‘ānī dengan objek-objek perbahasan tertentu. Definisi ini menjadi ikatan yang kuat antara ilmu mā‘anī dengan nuṣūṣ sastera yang tinggi martabatnya, kerana yang dimaksud dengan struktur di sini adalah struktur pakar-pakar balaghah yang dipandang maju dan cemerlang.

Kemudian beliau meneruskan perbahasannya dengan mendefinisikan ilmu bayān dengan katanya:

"وَأَمَّا عِلْمُ الْبَيَانِ فَهُوَ مَعْرِفَةُ إِيرَادِ الْمَعْنَى الْوَاحِدِ فِي طُرُقٍ مُخْتَلِفَةٍ بِالزِّيَادَةِ فِي وُضُوحِ الدَّلَالَةِ عَلَيْهِ وَبِالتَّقْصَانِ لِيَحْتَرَزَ بِالْوُقُوفِ عَلَى ذَلِكَ عَنِ الْخَطَأِ فِي مُطَابَقَةِ الْكَلَامِ لِتَمَامِ الْمُرَادِ مِنْهُ"

Maksudnya:

“Adapun ilmu bayān ialah bidang kajian tentang mewujudkan suatu makna yang serupa dengan tatacara yang berbeza dengan suatu penambahan pada melahirkan suatu pengertian, dan dengan suatu pengurangan untuk mengelak

¹ Ibid, hlm. 247

berlaku kesilapan dalam menyesuaikan kata untuk menyempurnakan maksudnya”

Ini bukan berarti bahawa al-Sakkākīy mencampur baurkan perbincangan ilmu ma‘ānī dengan ilmu bayān, melainkan memberi definisi ilmu bayan di sini hanya sebagai pengenalan sahaja, sesuai dengan tajuk utamanya “الْقِسْمُ الثَّلَاثُ فِي عِلْمِي الْمَعَانِي” (bahagian ketiga tentang dua ilmu; ilmu ma‘ānī dan ilmu bayān).¹

Dalam perbincangan ilmu ma‘ānī kita dapati bahawa al-Sakkākīy memulakan perbincangannya dengan membahagikan ilmu ma‘ānī kepada al-khabar “الْخَبْرُ” (berita) dan al-ṭalab “الطَّلَبُ” (tuntutan / permintaan) dan memberi tahu bagi yang menerima khabar bahawa khabar itu suatu yang boleh dianggap benar atau bohong, beliau berpendapat bahawa yang demikian itu adalah nyata. Benar dan bohong itu berlaku pada khabar dan tidak berlaku pada ṭalab yang terdiri daripada al-istifhām “الِاسْتِفْهَامُ” (pertanyaan), al-tamannī “التَّمَنِّي” (harapan yang tidak mungkin dicapai), al-amr “الْأَمْرُ” (perintah), al-nahy “النَّهْيُ” (larangan) dan al-nidā’ “النِّدَاءُ” (seruan).²

Kemudian al-Sakkākīy meneruskan perbincangannya dengan tajuk-tajuk yang berkaitan dengan khabar atau al-jumlat al-khabariyat “الْجُمْلَةُ الْخَبَرِيَّةُ” (ayat yang berkaitan dengan berita), iaitu al-Isnād al-khabariy “الِإِسْنَادُ الْخَبَرِيُّ”, al-musnad ilayh “الْمُسْنَدُ إِلَيْهِ”, al-musnad “الْمُسْنَدُ”, al-faṣl “الْفَصْلُ” (pemisahan), al-wasl “الْوَصْلُ” (penyambungan), al-Ījāz “الِإِيْجَازُ” (singkat), al-itnab “الِإِطْنَابُ” (lebih).

Kemudian beliau memperincikan perbincangannya tentang al-Isnād al-khabariy “الِإِسْنَادُ الْخَبَرِيُّ” dan perbezaannya dengan sebab berbeza keadaan pendengar, di mana

¹ Ibid, hlm. 247

² Ibid, hlm. 254

apabila khabar itu kosong dalam pemikiran pendengarnya maka ia tidak memerlukan kepada pengukuhan, dan apabila pendengar itu meminta kerana kebingungan, maka hendaklah dikuatkan berita itu dengan satu pengukuhan, dan apabila pendengar itu membantah maka dikuatkan berita itu dengan dua pengukuhan atau lebih. Dalam situasi seperti ini maka khabar itu diberi nama berdasarkan urutan ini, iaitu al-ibtidā'iy “الإبتدائيّ”, al-ṭalabiy “الطلبّيّ” dan al-inkāriy “الإنكاريّ”.¹

Kemudian beliau memasuki dalam perbincangan tentang aḥwal al-musnad ilayh “أحوال المسند إليه” (hal-hal yang berkaitan dengan musnad ilayh) secara terpisah yang mencakup al-ḥadhf “الحدف” (membuang al-musnad layh, al-dhikr “الذكر” (menyebut al-musnad ilayh), (mema‘rifatka al-musnad ilayh), (menyifatkan al-musnad ilayh), (menakiratka al-musnad ilayh), (mendahulukan al-musnad ilayh daripada musnad), mengemudiankan al-musnad ilayh daripada musnad), (menghususkan al-musnad ilayh), (meringkaskan musnad ilayh) dan menyesuaikan semua itu mengikut kehendak situasi secara balaghah.²

Seterusnya beliau beralih kepada perbincangan al-musnad “المُسندُ” dan pandangan mengenai tatacara pembuangan musnad atau menyebutnya, sama ada dalam bentuk mufrad atau jumlah, kalau ia jumlah sama ada ia fi‘liyyat ataupun ismiyyat, nakirat, ma‘rifat, muqayyat, mendahulukan, mengemudiankan, adakalanya ia dibuang, adakalanya kerana keadaannya sad masaddanya, adakalanya untuk tujuan ringkas, adakalanya untuk mengelak daripada gurauan dan sebagainya,³ seperti pada firman Allah (s.w.t.):

¹ Ibid, hlm. 259

² Ibid, hlm. 265

³ Ibid, hlm. 305

﴿..... قُلْ أَفَأَنْتُمْ بِشَرِّ مِمَّنْ ذَلِكُمُ النَّارُ.....﴾

Maksudnya:

“...Katakanlah: "Apakah akan aku kabarkan kepadamu yang lebih buruk daripada itu, iaitu neraka ?”¹

Ayat ini dipertanggungkan atas andaian “النَّارُ شَرٌّ مِّنْ ذَلِكُمْ” (neraka itu lebih buruk daripada demikian).

Musnad itu disebutkan adakalanya kerana kedudukan asalnya memang begitu dan tidak berkehendak untuk menukar daripada kedudukan asalnya, adakalanya untuk menambah keterangan atau untuk sindiran yang menunjukkan kebodohan pendengar, adakalanya musnad itu disebut untuk dikagumi musnad alayh, seperti engkau kata: “زَيْدٌ يُقَاوِمُ الْأَسَدَ” (Zayd melawan singa) beserta ada al-qarīnāt al-ḥālīyah “الْقَرِينَةُ الْحَالِيَّةُ” (konteks tunjuk), adakalanya untuk memuliakannya, menghinakannya dan sebagainya untuk tujuan-tujuan lain yang sesuai.

Musnad disebutkan dalam bentuk ism (kata nama) untuk menunjukkan ketetapan, seperti dikatakan: “زَيْدٌ عَالِمٌ” (Zayd itu orang alim), kadangkalanya ia disebut dalam bentuk fi‘l untuk menunjukkan kepada berubah-ubah dan terus-menerus, seperti dikatakan: “زَيْدٌ عَلِمَ” (Zayd itu mengetahui) dan ia terikat dengan maf‘ūl-maf‘ūl, ḥal, tamyīz, syarat untuk menjaga keperluan.²

al-Sakkākīy telah menggabungkan pemisahan bagi fi‘l (kata kerja) dan yang berkaitan dengannya dari segi membuangnya atau menyebutnya. Beliau memulakan

¹ Surah al-Hajj (22) : 72

² al-Sakkākīy, *Miftāḥ al-‘Ulūm*, (Ed): ‘Abd al-Ḥamīd Hindāwīy hlm. 307

perbincangan tentang membuang fi‘l pada sebahagian ungkapan dan pada jawapan bagi sesuatu soalan. Menurut Beliau menyebut fi‘l pada sesuatu ungkapan ada tujuan tertentu, membuang maf‘ūl pula untuk memberi maksud yang umum, atau untuk tujuan ikhtisar. Mengikut beliau menyebut fi‘l untuk tujuan sempurna ungkapan, atau untuk menambah keterangan, atau untuk menjaga pengasingan. Beliau panjang lebar membahas tentang mendahulukan fā‘il beserta fi‘l, seperti pada contoh: “أَنَا عَرَفْتُ” (Saya telah mengenali) dan “أَنْتَ تَعْرِفُ” (Engkau mengenali), mendahulukan fā‘il, dan fi‘l di sini adalah memberi maksud kekhususan.¹

Seterusnya beralih kepada perbincangan tentang al-faṣl dan al-waṣl serta menyebut bentuk-bentuknya daripada prosa dan puisi, beliau membincang hal-hal yang berkaitan dengan al-qaṭ‘ “الْقَطْعُ” (sarakan antara dua ungkapan), al-ibdal “الْإِبْدَالُ” (penggantian), al-īdāh wa tabyīn “الْإِيضَاحُ وَالتَّبْيِينُ” (penjelasan dan penerangan), kamāl al-inqīṭā‘ “كَمَالُ الْإِنْقِطَاعِ” (sarakan sempurna), kamāl al-ittisāl “كَمَالُ الْإِتِّصَالِ” (kaitan sempurna) serta memberi perhatian bahawa sarakan itu untuk berwaspada ketika takut tergesa kepada pemikiran pendengar. Jumlah ma‘ṭūfaṭ kepada yang lain daripada kedudukannya, kerana meng‘aṭaf kepadanya akan merosakkan maksudnya, beliau membawa banyak contoh yang serupa bagi kamāl ittiṣāl.²

Seterusnya beliau membuka bab bagi ījāz dan itnāb. Memandangkan keduanya ada kaitan antara satu sama lain, maka kadangkalanya kelihatan sesuatu ungkapan itu panjang, padahal ia ringkas berbanding ungkapan lain. Oleh itu ījāz dan itnāb merujuk

¹ Ibid, hlm. 329

² Lihat: Ibid, hlm. 357-361

kepada suatu kebiasaan di kalangan para sasterawan. Beliau menyebutkan contoh-contoh bagi *itnāb* dan *ijāz*.¹

Seterusnya beliau memasuki dalam perbincangan *al-qaṣr* "القَصْرُ"² (pengkhususan). Beliau berkata: *qaṣār* itu mengkhususkan *mawsūf* dengan *ṣifāt*, tidak sebaliknya, seperti dikatakan: "زَيْدٌ شَاعِرٌ لَا مُنَجِّمٌ" (Zayd seorang penyair, bukan peramal) dikatakan bagi orang yang menganggap bahawa Zayd itu seorang penyair dan peramal, begitu juga bagi orang yang menganggap bahawa Zayd itu memiliki salah satu daripada dua sifat tanpa kepastian, ayat seperti ini dinamakan "*qaṣr ifrād*"² "قَصْرٌ إِفْرَادٌ", tetapi apabila dikatakan contoh tadi bagi orang yang menganggap bahawa Zayd itu bersifat sebaliknya, yakni seorang peramal bukan penyair, maka ia dinamakan "*qaṣr qalb*"³ "قَصْرٌ قَلْبٌ" kerana ayat tersebut engkau telah menukar ketentuan pendengar menerusi *qaṣr*. *Qaṣr* itu berlaku menerusi empat cara, iaitu *al-‘aṭf bi lā wa bal* "التَّقْدِيمُ،" "الإِسْتِثْنَاءُ،" "التَّنْفِيْ،" "بَلْ" dan "لَا" (‘ataf dengan partikal "لَا" dan "بَلْ" "الْعَطْفُ بِلَا وَ بَلْ".⁴

Beliau menyebutkan bahawa pengertian tiga cara yang pertama adalah menerusi *qaṣr*, sedangkan pengertian *taqdīm* (mendahulukan) adalah dengan perantaraan makna dan ketetapan cita rasa.

Kemudian setelah selesai membincangkan tentang *al-qaṣr* "القَصْرُ"² (pengkhususan) beralih pula untuk membicarakan tentang *al-ṭalab* "الطَّلَبُ" (tuntutan) di sini beliau menulis *muqaddimah* yang panjang lebar, beliau membahagikannya

¹ Ibid, hlm. 387

² *Qaṣr ifrād* ialah proses menafikan perkongsian beberapa sifat pada sesuatu objek, atau menafikan sesuatu objek (Glosari Bahasa dan Kesusasteraan Arab, hlm. 138)

³ *Qaṣr qalb* ialah proses membetulkan tanggapan seseorang terhadap sesuatu yang berlawanan dengan kenyataan (Glosari Bahasa dan Kesusasteraan Arab, hlm. 139)

⁴ al-Sakkākīy, *Miftāḥ al-'Ulūm*, (Ed): ‘Abd al-Ḥamīd Hindāwīy, hlm. 400

kepada lima bahagian, iaitu, al-tamannī “التَّمَنِّي” (harapan yang tidak mungkin dicapai), al-istifhām “الِاسْتِفْهَامُ” (pertanyaan), al-amr “الأَمْرُ” (perintah), al-nahy “النَّهْيُ” (larangan) dan al-nidā’ “النِّدَاءُ” (seruan), beliau juga membahas tentang lafaz dan pertikel yang diletakkan bagi tiap-tiap bahagian tersebut. Kadangkala perbahasannya itu menyimpang dari dasar kerana menampilkan maksud tambahan di samping banyak contoh-contoh yang dikemukakan, sama ada dari al-Quran al-Karim¹ ataupun daripada yang lain.²

Beginilah contoh pengklasifikasian perbahasan ilmu ma‘ānī ke dalam bab-bab yang sesuai. Setelah selesai perbincangan tentang ilmu ma‘ānī beliau beralih kepada perbahasan ilmu bayān, beliau mengkatégorikannya dengan metodologi yang sama.

Adapun ilmu bayān beliau mengkhususkan perbahasannya dalam fasal yang kedua, beliau membahagikannya kepada kelompok pembahagian asasi dan tiap-tiap dari pembahagian ini dibahagi pula kepada kolompok cabang-cabangnya, dan sebahagian daripada cabang-cabang ini pula dibahagi kepada kelompok bahagian yang lebih kecil, dengan demikian ilmu bayān dibahagi kepada tiga bahagian dasar, iaitu al-tasybīh “التَّشْبِيهُ” (simile), al-majāz “الْمَجَازُ” (metefora) dan al-kināyat “الْكِنَايَةُ” (kiasan). Kemudian tiap-tiap pembahagian ini dibahagi pula kepada pembahagian tertentu. Tasybīh dibahagi kepada empat bahagian, iaitu; ṭarfā al-tasybīh “طَرْفَا التَّشْبِيهِ” (dua asas tasybīh), wajh al-syabah “وَجْهَ التَّشْبِيهِ” (ciri setara tasybīh), al-ghard min al-tasybīh “الْأَحْوَالُ التَّشْبِيهِ” (sasaran tasybīh) dan aḥwāl al-tasybīh “الْأَحْوَالُ التَّشْبِيهِ” (kondisi tasybīh).³

¹ Lihat: Ibid, hlm. 414-431

² Ibid, hlm. 414

³ Ibid, hlm. 439

Adapun al-aṣl yang kedua adalah al-majāz, ia dibahagi kepada beberapa fasal. Fasal pertama “al-majāz al-lughawīy ghayr al-mufīd” “المَجَازُ اللُّغَوِيُّ غَيْرُ الْمُفِيدِ”, ia dinamakan juga dengan “majāz al-ta’diyat” “مَجَازُ التَّعْدِيَّةِ”, fasal kedua “al-majāz al-lughawīy al-mufīd al-khālī ‘an mubālaghat fī al-tasybīh” “المَجَازُ اللُّغَوِيُّ الْمُفِيدُ الْخَالِيُّ الْمَجَازُ ‘انْ مَبَالِغَاتٍ فِي التَّشْبِيهِ”, ia dinamakan juga dengan “al-majāz al-mursal” “المَجَازُ الْمُرْسَلُ”, fasal ketiga “al-majāz al-rāji‘ ilā al-ma’nā al-mufīd al-mutazammin li al-mubālaghat fī tasybīh” “المَجَازُ الرَّاجِعُ إِلَى الْمَعْنَى الْمُفِيدِ الْمُتَضَمِّنُ لِلْمَبَالِغَةِ فِي التَّشْبِيهِ”, majāz ini dinamakan “isti’ārat” “الإِسْتِعَارَةُ”, fasal keempat “al-majāz al-‘aqliy” “المَجَازُ الْعَقْلِيُّ”, dan fasal kelima “al-majāz al-lughawīy al-rāji‘ ilā hukm al-kalimat” “المَجَازُ اللُّغَوِيُّ الرَّاجِعُ إِلَى حُكْمِ الْكَلِمَةِ”. Dalam membincangkan isti’ārat al-Sakkākīy mengemukakan banyak contoh.¹

Beliau beralih ke asal ketiga, iaitu perbincangan tentang al-kināyat “الْكِنَايَةُ” (kiasan), beliau mendefinisikan kinayah itu ialah meninggalkan keterangan yang jelas dengan menyebut sesuatu yang lazim supaya beralih yang disebut itu kepada yang tidak disebut. Kemudian beliau membezakan antara kināyat dan majāz dengan dua dasar. Pertama; kināyat tidak menegah kehendak makna hakikat, sementara majāz pula menegah kehendak makna hakikat. Kedua kinayat terbentuk pada pemindahan makna lāzim (makna asal) kepada makna malzūm (makna tersirat), sedangkan majāz terbentuk pada pemindahan makna malzūm kepada makna lāzim. Dengan lain perkataan, pembentukan kināyat dan majāz adalah saling berlawanan.²

al-Sakkākīy membahagikan kināyat dengan melihat kepada maksudnya kepada tiga bahagian, iaitu kināyat ‘an al-mawsūf, kināyat ‘an al-ṣifāt, dan kināyat takhṣīṣ

¹ Ibid, hlm. 471

² Ibid, hlm. 512

al-ṣifāt bi al-mawsūf, diperhatikan bahawa kināyat itu termasuk dalam isnād, yang dinamakan oleh para ulama balaghah selepas al-Sakkākīy sebagai “kināyat ‘an al-nisbat”¹

Adapun kajian tentang ilmu badī‘ maka al-Sakkākīy tidak membahasnya dengan lebar panjang, beliau tidak mengistilahkannya dengan “ilmu badī‘” tetapi menyebutnya sebagai “taḥsīn al-kalām” "تَحْسِينُ الْكَلَامِ" (memperindah ungkapan), ia terbahagi kepada dua bahagian, iaitu keindahan yang merujuk kepada makna yang dikenali selepas al-Sakkākīy sebagai “al-badī‘ al-ma‘nawīy” "الْبَدِيعُ الْمَعْنَوِي" dan keindahan yang merujuk kepada lafaz yang dikenali selepas al-Sakkākīy sebagai “al-badī‘ al-lafzīy” "الْبَدِيعُ اللَّفْظِي".

Dalam perbincangan ilmu badī‘ beliau memberi contoh-contoh yang sedikit yang terdiri dari ayat-ayat al-Quran al-Karim, puisi-puisi dan juga contoh yang dicipta sendiri, lagipun contoh-contoh tersebut tidak diterangkan apa yang terkandung di dalamnya dari segi bentuk-bentuk keindahan dan inspirasi.

Dengan demikian sempurnalah perbincangan al-Sakkākīy bagi ilmu ma‘ānī, ilmu bayān dan gabungan aspek-aspek ilmu badī‘, iaitu perbincangan yang telah tersebar luas di seluruh dunia dan telah dimanfaatkan oleh segenap generasi, terutamanya para pengkaji dan para pelajar bahasa Arab. Metodologi dan klasifikasi yang dilaksanakan oleh al-Sakkākīy ini telah diikuti oleh sejumlah para ulama selepasnya.

4.7 Komen Ulama Terhadapnya

Kitab *Miftāḥ al-‘Ulūm* merupakan faktor utama yang memanggil para ulama selepasnya untuk memberi komen terhadapnya, mereka berasa kagum dengan

¹ Ibid, hlm. 513

perbahasan yang dikemukakan oleh al-Sakkākīy dalam kitab *Miftāḥ al-'Ulūm*, kerana perbahasan ilmu balaghah sebelumnya dan yang semasa dengannya tidaklah selengkap yang dikemukakan oleh al-Sakkākīy dalam kitab *Miftāḥ al-'Ulūm*, terutamanya tentang pembahagian ilmu Balaghah kepada tiga bahagian, iaitu ilmu ma'ānī, ilmu bayan dan ilmu badī'.

Syaikh Muṣṭafā al-Marāghīy dalam kitabnya *Tārīkh 'Ulūm al-Balāghat Wa al-Ta'rīf Bi Rijālihā* berkata: “Kita tidak pernah tahu bahawa sebelum al-Sakkākīy ada yang membahagikan ilmu faṣaḥat kepada tiga bahagian seperti yang kita lihat pada hari ini, sama ada dalam bentuk lisan mahupun dalam bentuk tulisan. Adapaun penulisan-penulisan tentang balaghah sebelumnya, seperti kitab “*al-Ṣinā'atayn*” karya Abū Hilāl al-'Askariy, kitab “*Sirr al-Fasāḥat*” karya Ibn Sinān al-Khafājīy, “*Asrār al-Balāghat*” dan “*Dalail al-'Ijāz*” karya 'Abd al-Qāhir al-Jurjānīy tidaklah selengkap apa yang dikemukakan oleh al-Sakākīy.¹

Yāqūt al-Ḥamawīy dalam karyanya “*Mu'jam al-Udabā*” berkata: “Yūsuf bin Abū Bakr bin Muḥammad, Abū Ya'qūb al-Sakkākīy dari ahli Khuwarizm (Uzbekistan) adalah seorang yang sangat 'alim dan imam (orang yang diikuti) dalam bidang bahasa Arab, ma'ānī, bayān, kesusasteraan, 'arūḍ, puisi, ilmu kalam (akidah) dan fekah, beliau menguasai pelbagai bidang ilmu, beliau menyusun kitab *Miftāḥ al-'Ulūm* yang mengandungi dua belas bidang ilmu.² Walau bagaimanapun beliau tidak menyenaraikan dua belas bidang ilmu yang beliau sebutkan itu.

al-Sayūṭīy berkata; “Ibn al-Sakkākīy adalah seorang yang sungguh alim, mahir dalam pelbagai bidang ilmu, terutamanya dalam bidang ilmu ma'ānī, ilmu bayān,

¹ Muṣṭafā al-Marāghīy, *Tārīkh 'Ulūm al-Balāghat Wa Ta'rīf bi Rijālihā*, hlm. 111

² Ibid, t.hlm

beliau pengarang kitab *Miftāḥ al-'Ulūm* yang mengandungi dua belas bidang ilmu bahasa Arab. Kemudian saya melihat riwayat hidupnya yang ditulis oleh Syaikh Sirāj al-Dīn al-Bulqainīy bahawa Yūsuf bin Abū Bakr bin Muḥammad bin 'Alīy, Abū Ya'qūb al-Sakkākīy, Sirāj al-Dīn al-Khuwārizmīy adalah imam dalam bidang nahu, ṣaraf, ma'āni, bayān, istidlāl, 'arūḍ, puisi, beliau juga mempunyai kepakaran dalam bidang ilmu kalam dan banyak lagi bidang ilmu yang beliau kuasai.¹

al-Qazwīnīy ketika menerangkan tentang sebab beliau menulis karyanya *Talkhīṣ al-Miftāḥ* menyifatkan *Miftāḥ al-'Ulūm* sebagai sebuah karya yang bermanfaat walaupun terdapat segi-segi kekurangan. Beliau berkata:

"أَمَّا بَعْدُ، فَلَمَّا كَانَ عِلْمُ الْبَلَاغَةِ وَتَوَابِعُهَا مِنْ أَحْلَى الْعُلُومِ قَدْرًا، وَأَدْقَهَا سِرًّا، إِذْ بِهِ تَعْرِفُ دَقَائِقَ الْعَرَبِيَّةِ وَأَسْرَارَهَا، وَتَكْشِفُ عَنْ وَجْهِهِ الْإِعْجَازَ فِي نَظْمِ الْقُرْآنِ أَسْتَارَهَا، وَكَانَ الْقِسْمُ الثَّلَاثُ مِنْ مِفْتَاحِ الْعُلُومِ الَّذِي صَنَفَهُ الْعَلَامَةُ "أَبُو يَعْقُوبَ يُوسُفُ السَّكَّاكِيُّ" أَعْظَمُ مَا صُنِّفَ فِيهِ مِنَ الْكُتُبِ الْمَشْهُورَةِ نَفْعًا، لِكَوْنِهِ أَحْسَنُهَا تَرْتِيْبًا وَأَتَمُّهَا تَحْرِيْرًا، وَأَكْثَرُهَا لِلْأُصُولِ جَمْعًا.....".

Maksudnya:

“Seterusnya, Manakala ilmu balaghah dan yang berkaitan dengannya dianggap sebagai ilmu yang paling mulia dari segi kedudukan, mengandungi rahsia yang paling halus, kerana dengan ilmu balaghah ini dapat mengetahui segala kehalusan dan rahsia bahasa Arab, serta mendedahkan segi-segi i'jāz (keajaiban) susunan al-Quran al-Karim. Bahagian ketiga kitab *Maftāḥ al-'Ulūm* yang ditulis oleh seorang pakar yang bernama “Abū Ya'qūb Yūsuf al-Sakkākīy” adalah antara karya yang megah serta paling besar manfaatnya,

¹ Ibid, t.hlm

kerana karya ini paling baik dari segi penyusunan dan paling sempurna dari segi penulisan dan paling banyak mengumpulkan kaedah-kaedah....”¹

Di samping komen-komen positif yang diberikan oleh sebahagian ulama terhadap al-Sakkākīy, namun tidak kurang juga kritikan-kritikan ulama Arab terhadapnya, terutamanya dalam penulisan-penulisan mereka tentang sejarah perkembangan ilmu balaghah, di mana apabila menyebut mengenai kejumudan ilmu balaghah mereka pasti mengaitkannya dengan al-Sakkākīy.

Aḥmad Maṭlūb dalam karyanya *‘Abd al-Qāhir al-Jurjānī, Balāghatuh Wa Naqduh*, telah menerangkan secara terperinci tentang pengambilan al-Sakkākīy daripada balaghah al-Jurjānīy. Kemudian beliau mengambil kesimpulan bahawa tiada balaghah al-Sakkākīy melainkan balaghah al-Jurjānīy. Dengan lain perkataan balaghah al-Sakkākīy adalah balaghah al-Jurjānīy, hanya berbeza dari segi klasifikasi, pembatasan masalah, pengaturan kaedah dan cabang-cabangnya.²

Begitu juga Māzin al-Mubārak setelah menyebut pujian Yākūt al-Ḥamawīy terhadap al-Sakkākīy, beliau mengakui bahwa apa yang dilakukan oleh al-Sakkākīy dalam kitab *Miftāḥ al-‘Ulūm* telah diambil oleh para ulama selepasnya. Ilmu inilah yang sampai kepada generasi hari ini. Beliau mendakwa bahawa al-Sakkākīy terpengaruh dengan ilmu nahu, ilmu mantiq dan ilmu kalam, maka al-Sakkākīy mewarnai ilmu balaghah dalam kitabnya *Miftāḥ al-‘Ulūm* dengan celupan ilmu-ilmu tersebut. Itulah sebabnya para ulama selepasnya bergegas untuk menghurai dan mengulas apa yang tidak jelas dalam kitab tersebut, tetapi ternyata mereka terpengaruh

¹ al-Qazwīnīy, *Talkhīṣ al-Miftāḥ*, hlm. 23

² Lihat: Aḥmad Maṭlūb, *‘Abd al-Qāhir al-Jurjānīy, Balāghatuh wa Naqduh*, hlm. 310 - 317

dengan kitab asal, kerana antara mereka ada yang pakar dalam bidang fekah, ada yang pakar dalam bidang ilmu kalam dan ada yang pakar dalam bidang nahu. Keadaan ini dapat dilihat dalam ulasan-ulasan mereka. Oleh itu kekallah kitab *Miftāḥ al-'Ulūm* seperti sedia ada. Kemudian beliau menukilkan komen al-Qazwīnīy pada pendahuluan kitab *Talkhīṣ al-Miftāḥ* yang menunjukkan segi kekurangan kitab *Miftāḥ al-'Ulūm* sehingga ia perlu diringkaskan.¹

al-Qazwīnīy sendiri setelah memuji kitab *Miftāḥ al-'Ulūm* dari segi penyusunan dan besar manfaatnya, berpendapat bahawa kitab *Miftāḥ al-'Ulūm* tidak terpelihara daripada penambahan yang tidak diperlukan dan menyukarkan, wajar diringkaskan, memerlukan kepada penjelasan dan kupasan sehingga beliau menyusun sebuah ringkasan yang berjudul *Talkhīṣ al-Miftāḥ*. Walau bagaimanapun beliau menyedari bahawa ringkasan ini tidak mencapai matlamat yang diharapkan sehingga beliau menyusun sebuah karya lain untuk menghurai ringkasan tersebut yang diberi judul dengan *al-Īdāḥ*.

Di samping itu ada sesetengah pengkaji yang mengatakan bahawa al-Sakkākīy telah melakukan penyelewengan terhadap apa yang ditinggalkan oleh al-Jurjānīy. Ada juga yang menganggap bahawa al-Sakkākīy adalah sebagai perosak balaghah Arab dengan memasukkan pemikiran-pemikiran falsafah dan mantiq ke dalam balaghah Arab. Bahkan ada antara pengkaji yang mengatakan bahawa al-Sakkākīy tidak tahu apa-apa tentang cita rasa sastera dalam penyampaiannya, beliau sibuk dengan membuat definisi dan pembahagian terhadap ilmu balaghah.²

¹ Lihat: Māzin al-Mubārak, *al-Mūjaz Fi Tārīkh al-Balāghat*, hlm. 110 - 113

² Lihat: Badawī Ṭabānaṭ, *al-Bayān al-'Arabīy*, hlm. 165 dan Māzin al-Mubārak, *al-Mūjaz Fi Tārīkh al-Balāghat*, hlm. 111

Penulis berpendapat bahawa persoalan pengambilan al-Sakkākīy daripada al-Jurjānīy itu tidak menunjukkan suatu kekurangan, tetapi ia merupakan suatu cara yang wajar untuk mewarisi ilmu daripada satu generasi kepada generasi seterusnya, bukan sahaja bidang balaghah, tetapi juga bidang-bidang yang lain, seperti bidang fekah, tafsir, hadith dan lain-lain. Ilmu- ilmu ini diwarisi dari generasi sebelumnya.

Kitab *Miftāḥ al-'Ulūm* bukanlah sebuah kitab dalam bidang sastera, tetapi ia adalah sebuah kitab dalam bentuk pengajaran yang mencakupi ilmu ṣaraf, nahu, balaghah dan sebagainya, maka wajar banyak pembahagian dan definisi. Banyak pembahagian yang diletakkan oleh al-Sakkākīy dapat membantu pembaca untuk mempelajarinya. Begitu juga banyak definisi akan memudahkan pembaca untuk mengenal pasti istilah-istilah yang dipelajari.

Walau apapun komen yang bersifat negatif yang dikemukakan terhadap al-Sakkākīy, namun peranan dan pengaruhnya dalam bidang balaghah tidak dapat disangkal. Beliau mempunyai peranan besar dalam menyebarkan ilmu balaghah kepada masyarakat di seluruh dunia. Sama ada menerusi kitab *Miftāḥ al-'Ulūm* itu sendiri mahupun menerusi ringkasan-ringkasan dan huraian-huraian yang dilakukan oleh para pengkaji selepasnya.

Dari komen-komen yang diberikan terhadap al-Sakkākīy secara keseluruhannya dapat dikatakan bahawa kitab *Miftāḥ al-'Ulūm* merupakan faktor utama yang membuat para pakar balaghah berasa kagum terhadap al-Sakkākīy, di mana kitab ini telah mengambil bahagian yang besar dalam bidang ilmu bahasa Arab. Beliau memulakan kitab ini dengan ilmu ṣaraf, seterusnya ilmu nahu dan beliau menyempurnakannya dengan ilmu balaghah yang terdiri daripada tiga cabang ilmu,

iaitu ilmu ma‘ānī, ilmu bayān dan gabungan ilmu badī‘, setelah itu mengiringinya dengan ilmu ‘arūḍ dan qāfiyat.

Memandangkan kepentingan kitab ini maka para ulama mempelajari dan mengajarnya, mereka mengulas dan membuat ringkasan-ringkasan, ada yang membuat catatan tepi, ada yang memberi komen pada sekitar abad yang mengiringi zaman penulisan kitab tersebut. Kitab ini sentiasa diberi perhatian oleh para pengkaji ilmu bahasa Arab terutamanya para pengkaji dalam bidang balaghah.

4.8 Kesimpulan

Hasil dari perbahasan di atas dapat diambil kesimpulan bahawa Sirāj al-Dīn, Abū Ya‘qūb Yūsuf bin Muḥammad bin ‘Alīy al-Sakkākīy adalah seorang tokoh terkenal serta memiklik pengetahuan yang luas dalam bidang balaghah khasnya dan dalam bidang ilmu bahasa Arab pada umumnya. Beliau menguasai bidang ilmu ṣaraf, ilmu nahu, ilmu balaghah, ilmu istidlāl (penghujahan), ilmu ḥad (ilmu yang berkaitan dengan definisi) ilmu ‘arūḍ (prosodi) dan ilmu qāfiyat (kajian berkaitan rima). Ini dapat dilihat dengan jelas dalam karyanya *Miftāḥ al-‘Ulūm*.

al-Sakkākīy mendapat pendidikan dalam bidang agama, bahasa Arab dan balaghah setelah berusia tiga puluh tahun. Pada sekitar awal abad ke-7 Hijrah beliau menyusun sebuah karya berjudul *Miftāḥ al-‘Ulūm*. Beliau menyusun kitab ini dengan kemas dan lengkap dengan pelbagai ilmu bahasa Arab yang belum pernah dilakukan oleh pakar-pakar sebelumnya. Karya ini telah mendapat perhatian para ulama selepasnya

al-Sakkākīy bukan sahaja menguasai bidang bahasa Arab dan ilmu balaghah, tetapi beliau juga alim dalam bidang-bidang lain, seperti bidang akidah dalam mazhab

Mu‘tazilah dan bidang fekah dalam mazhab Hanafī. Dengan kecerdasan dan kemasyhuranya beliau mendapat peluang dalam jawatan kerajaan, sehingga beliau dianggap sebagai seorang ulama Sultan Khuwarizmsyah yang berkuasa pada masa itu.

Keistimewaan al-Sakkākīy dengan karyanya *Miftāḥ al-'Ulūm* daripada karya-karya sebelumnya dengan pengklasifikasian perbahasan ke dalam bab-bab dan fasal-fasal yang sesuai, dengan susunan yang cermat. Beliau menampilkan karyanya dalam tiga pembahagian, bermula dengan ilmu ṣaraf, mengiringi ilmu nahu, diteruskan dengan ilmu balaghah yang terdiri daripada tiga komponen ilmu, iaitu ilmu ma‘ānī, ilmu bayān dan ilmu badī‘. Seterusnya ilmu had (ilmu berkenaan dengan definisi), ilmu istidlal (ilmu berkenaan dengan penghujahan, ilmu ‘arūd

Kitab *Miftāḥ al-'Ulūm* mempunyai peranan penting dalam menyebarkan ilmu balaghah ke seluruh persada dunia, ia dianggap sebuah kitab penting dalam bidang ini, sehingga ramai pakar balaghah yang memberi perhatian terhadap karya ini dengan membuat ringkasan-ringkasan, huraian-huraian dan ulasan-ulasan supaya kitab ini mudah difahami oleh para pembaca. *Miftāḥ al-'Ulūm* mendapat sambutan yang sangat baik daripada para pembaca sehingga ia telah dicetak beberapa kali. Kitab *Miftāḥ al-'Ulūm* telah mengharumkan nama pengarangnya di seluruh persada dunia.

Komen dan pujian para ulama terhadap al-Sakkākīy juga ada kaitan dengan karyanya *Miftāḥ al-'Ulūm*. Antara pakar balaghah yang memberi komen dan memujinya ialah Aḥmad Muṣṭafā al-Marāghīy, Yākūt al-Ḥamawīy, ‘Abd al-Raḥmān al-Sayūṭīy, Abū ‘AbdiLlāh Muḥammad bin ‘Abd al-Raḥmān al-Khaṭīb al-Qazwīnīy, dan lain-lain. Mereka kagum dengan ketokohan dan pengetahuan yang dimiliki oleh

Sakkākīy dalam bidang balaghah. Sedangkan Aḥmad Maṭlūb, Badawī Ṭabānah, Māzin al-Mubārak adalah antara ulama Arab yang mengkeritik al-Sakkākīy.

Walau apapun keritik dan komen bersifat negatif yang dilemparkan terhadap al-Sakkākīy namun peranan dan pengaruh beliau dalam mengembangkan ilmu balaghah kepada masyarakat adalah sangat besar sekali, sama ada menerusi kitabnya *Miftāḥ al-'Ulūm* mahupun menerusi ringkasan-ringkasan dan huraian-huraian terhadap kitab tersebut.